

Formula Dr M pulih ekonomi patut diiktiraf

BH 23 AUG 2007

GEORGETOWN, Rabu — Malaysia perlu mengiktiraf dan memperkenalkan istilah 'Mahathir-nomic' yang dilaksanakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya menyelamatkan negara daripada kegawatan ekonomi.

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Amir Hussin Baharuddin, berkata kejayaan tersendiri pemimpin itu patut dikaji dan didokumenkan sebagai sumbangan kepada sains ekonomi.

"Kejayaan yang dilaksanakan Perdana Menteri (Dr Mahathir) seharusnya mendapat pengiktirafan rakyat negara ini," katanya pada syarahan sempena pelantik-

annya sebagai Profesor bertajuk *Sains Ekonomi Dalam Realiti Malaysia: Suatu Penilaian Kritis* di Dewan Kuliah A, USM, di sini, hari ini.

Profesor Dr Amir dilahirkan pada 25 Ogos 1947 di Kampung Batu Laut, Kuala Langat, Selangor sudah berkhidmat selama 25 tahun sebagai pensyarah di USM.

Sepanjang tempoh itu, beliau berjaya menghasilkan 17 buku yang sudah diedarkan dan 11 buku lagi masih dalam proses penerbitan.

Amir berkata, pandangan ekonomi yang inovatif dan langkah bijak yang diambil Dr Mahathir termasuk mengetepikan bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menyebabkan rakyat tidak merasai kesan teruk akibat ke-

gawatan dialami negara.

Katanya, tindakan bijak itu tidak pernah terfikir pakar teori ekonomi dunia lain dalam menangani masalah kegawatan.

"Sebelum ini, pengiktirafan atas sumbangan kepada bidang ekonomi diberikan kepada pemimpin dunia lain seperti Presiden Amerika Syarikat, Ronald Reagan dengan memperkenalkan istilah 'Reaganomics' dan Bill Clinton iaitu 'Clintonomic'," katanya.

Amir berkata, di India, Profesor Ghosh pula mencipta satu nama khusus dalam bidang ekonomi politik iaitu 'Ghandinomics', manakala Profesor Masudul Alam Choudry memperkenalkan 'Humanomics' di Universiti Cape Bretton, Kanada.